



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Institut  
Pengajian Siswazah

# PGS POST

VOLUME: 1

JULY 2025



## MID TERM REVIEW 2025

Program Semakan Kemajuan Inisiatif IPSis bagi Penggal Pertama Tahun 2025 telah berjaya dilaksanakan pada 19 hingga 21 Jun 2025 bertempat di Hotel Tamu, Kuala Lumpur. Program ini merupakan acara tahunan yang signifikan dan berperanan sebagai platform pemantauan pertengahan tahun untuk menilai tahap kemajuan pelaksanaan inisiatif strategik oleh setiap unit di bawah Institut Pengajian Siswazah (IPSis). Semakan ini memainkan peranan penting dalam memastikan pelaksanaan strategi akademik IPSis kekal selari dengan hala tuju Pelan Strategik UiTM, sekali gus menyokong aspirasi universiti dalam melonjakkan ketampakan sebagai sebuah universiti tersohor dunia menerusi pemerkasaan pengajaran, penyelidikan, dan perkhidmatan akademik yang berimpak tinggi.

Majlis pembukaan rasmi telah disempurnakan oleh YBhg. Profesor Dr. Hajah Zuraeda Ibrahim, Dekan IPSis. Dalam ucap tamsil beliau, Dekan menegaskan kepentingan sinergi dan semangat kebersamaan antara semua unit dalam merealisasikan agenda strategik IPSis bagi tahun 2025. Beliau turut menekankan bahawa kejayaan pelaksanaan sesuatu inisiatif tidak hanya bergantung kepada perancangan yang teliti, tetapi juga kepada pelaksanaan yang konsisten serta kerjasama rentas fungsi yang mantap.

Sepanjang sesi berlangsung, setiap ketua unit telah membentangkan laporan kemajuan pelaksanaan inisiatif masing-masing, lengkap dengan dokumen Strategic Action Plan (SAP) yang telah dirangka bagi tujuan pelaksanaan. Pelaporan yang dikemukakan adalah padat dan berfokus, dengan penekanan khusus kepada pencapaian utama, cabaran pelaksanaan serta cadangan penambahbaikan yang bersifat praktikal dan realistik. Sesi semakan ini bukan sahaja menjadi medan refleksi terhadap keberkesanan strategi sedia ada, malah turut membuka ruang perbincangan profesional dan konstruktif bagi memperkukuh pelaksanaan inisiatif secara lebih berfokus menjelang penggal kedua tahun 2025.

